

# PM mungkin perjelas isu di Dewan Rakyat

Ahli Parlimen enggan hanya bergantung kenyataan dilapor media

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak menolak kemungkinan memberi penjelasan di Dewan Rakyat berhubung isu Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) oleh mahkamah daripada 47 pertuduhan berkait Yayasan Akalbudi.

Ketika ditanya pemberita mengenai isu berkenaan selepas menunaikan solat Jumaat di Nasyrul Quran, di sini semalam, Perdana Menteri bagaimanapun tidak mengulas pan-

jang, sekadar menjawab: "Mungkin, insya-Allah".

Kelmarih, Ahli Parlimen PKR Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim menggesa Perdana Menteri sendiri memberi penjelasan di Dewan Rakyat berhubung isu membabitkan timbalannya itu, berbanding kenyataan yang dilaporkan di media.

Keputusan Mahkamah Tinggi pada 4 September lalu menyaksikan Ahmad Zahid dilepas tanpa dibebaskan daripada lapan pertuduhan rasuah, 12 kes pecah amanah dan 27 pertuduhan pengubahan wang haram dana Yayasan Akalbudi yang diasaskannya.

## Isi kekosongan jawatan

Dalam perkembangan lain, Anwar memaklumkan kekosongan jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ditinggalkan Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, bekas Ahli Parlimen Pulau yang meninggal

dunia 23 Julai lalu, akan diisi secepat mungkin.

Perdana Menteri meminta mereka yang ada cadangan siapa wajar dipilih mengisi jawatan itu yang kini dipangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, boleh menulis surat kepadanya.

"Insya-Allah, kita akan isi kekosongan (jawatan). Kalau ada cadangan, sila tulis surat kepada saya secepat mungkin," katanya.

Ditanya sama ada Naib Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) Johor, Suhaizan Kayat yang menang Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau pada 9 September lalu, mungkin calonnya, Anwar mengulangi kenyataan meminta sesiapa ada cadangan supaya menulis surat kepadanya.

Suhaizan berpengalaman sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor dan setiausaha politik Allahyar-

ham Salahuddin, pengasas inisiatif Rahmah yang juga bekas Timbalan Presiden AMANAH dan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Jeram di Muar.

Pada PRK Parlimen Pulau dan DUN Simpang Jeram, AMANAH yang mewakili Pakatan Harapan (PH) mengekalkan status quo, masing-masing melalui kemenangan Suhaizan dan Nazri Abdul Rahman.

Suhaizan mendapat 48,283 undi bagi mengalahkan calon Perikatan Nasional (PN), Zulkifli Jaafar yang memperoleh 29,642 undi, manakala calon Bebas, Samsudin Mohamad Fauzi hanya mendapat 528 undi.

Di Simpang Jeram, Nazri yang juga bekas jurutera Majlis Perbandaran Muar (MPM) memperoleh 13,844 undi untuk menewaskan calon PN, Dr Mohd Mazri Yahya yang mendapat 10,330 undi dan calon Bebas, S Jeganathan yang memperoleh 311 undi.